



# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## TAZKIRAH

MESYUARAT SENAT UTM - 30 APRIL 2024

*Menginovasi Penyelesaian*



# MEMAKNAI FITRAH INSANI

## TAZKIRAH SENAT

PROF. MADYA DR. MOHD FAUZI BIN ABU @ HUSSIN  
AKADEMI TAMADUN ISLAM  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

*Menginovasi Penyelesaian*

[www.utm.my](http://www.utm.my)

فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبَدَلَكُمْ يَوْمَيْنِ خَيْرًا مِنْهُمَا  
يَوْمَ الْفِطْرِ وَيَوْمَ النَّحْرِ

**Maksudnya :** "*Sesungguhnya Allah telah menggantikan kepada kamu dua hari yang terbaik yaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.*"

Di dalam Islam, terdapat dua hari raya yang telah disyariatkan. Ini sebagaimana hadith ketika Rasulullah SAW tiba di Madinah, penduduk Madinah telah menyambut dua perayaan.

Hanya dua hari raya yang disyariatkan bagi umat Islam untuk dirayakan atas perintah Allah SWT.



# عيد الفطر

## FITRAH INSANI

### Meraikan Kembalinya Fitrah

Sesungguhnya, yang diraikan dengan ketibaan Syawal itu adalah disebabkan kembalinya fitrah kehidupan kita atas dasar Islam.

### Anugerah Terbesar Allah

Idul Fitri adalah anugerah terbesar pemberian Allah S.W.T iaitu agama Islam.

Agama yang telah memuliakan kita, memberi harga diri kepada kita, dan yang telah memelihara martabat kemanusiaan kita.

### Kesedaran yang Wajar

Maka pada saat kita menyambut dan meraikan kehadiran Syawal ini, kesedaran inilah yang kita raikan dan wajar bagi kita untuk memperbanyakkan pujian ke atas Allah S.W.T di atas nikmat ini.



## Kerisauan Sahabat Dahulu

Generasi sahabat dahulu, saat mana Ramadan akan meninggalkan mereka; hati mereka merasa sangat sedih kerana bimbang yang amalan mereka di bulan Ramadan dahulu tidak diterima oleh Allah SWT. Mereka segera menumpukan perhatian dalam menyempurnakan dan menekuni amalan sebagaimana yang dilakukannya dalam bulan Ramadan agar amalan mereka diterima.

# Citra Fitrah Insani

## **Keikhlasan**

Mereka adalah kaum yang sentiasa merasa bimbang dan takut bahawa amalan yang telah mereka lakukan ditolak oleh Allah SWT kerana adanya kekurangan.

## **Ketakwaan**

Sifat seorang mukmin yang mukhlis dalam beribadah kepada Tuhannya.

## **Petunjuk**

Sesungguhnya Ramadan menjadi saksi yang membela kalangan mereka yang bersungguh-sungguh mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT.

# Didikan Ramadan

Menerusi didikan Ramadan, kita telah membuktikan kecintaan kita kepada Islam daripada menjadi hamba kepada dunia, nafsu dan harta benda. Walaupun ada kalanya kita diserang dengan pelbagai persepsi ganas oleh musuh-musuh Islam, **ini tidak mampu melemahkan kita** bahkan menjadikan kita lebih *gigih dan cekal* untuk terus bertahan walaupun diasak dari segenap sudut.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ  
عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ  
النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ


Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.



# Menilai Pencapaian Ramadan

Apa yang kita capai saat ini, sebenarnya dijana menerusi ibadah puasa yang telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh selama sebulan. Namun begitu, kita tidak seharusnya lupa untuk menilai sejauh manakah kita telah mengisi Ramadan yang telah berlalu pergi.

Adakah ibadah kita cukup meraih keampunan Allah atau berhasil mencapai nilai takwa tertinggi sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah SWT?





# Tanda Amalan Diterima

## Lebih Taat

Menjadi lebih taat dan patuh kepada Allah S.W.T secara berkekalan, malah mampu mengubah diri menjadi manusia yang lebih baik dan berkualiti.

## Amal Soleh

Melakukan amal soleh dengan penuh keimanan dan tidak mensyirikkan Allah S.W.T.

## Kemuliaan Akhlak

Terpancar kemuliaan akhlak, mempunyai hubungan baik sesama manusia, dan merasai dirinya dalam perhatian Allah SWT.

## Dorongan Ketaatan yang Berterusan

Wujudnya dorongan untuk melakukan ketaatan yang tidak pernah terhenti. Ini merupakan rahmat Allah dan kelebihan yang dikurniakan kepada hamba-Nya yang melakukan kebaikan dengan ikhlas serta menjadi dalil keredhaan Allah SWT.

## Sentiasa Bersyukur

Sentiasa bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT di mana faedahnya kembali kepada dirinya sendiri.

## Penyucian Jiwa

Segala amalan ketaatan yang dilakukan merupakan satu alat dalam proses penyucian jiwa di mana semakin banyak dilakukan, maka semakin bertambah ilmu, amal dan hidayah daripada Allah SWT.

# Harapan Setelah Ramadan

## Benih Takwa


Sememangnya kita mengharapkan Ramadan yang lalu telah pun melahirkan benih takwa agar kita sentiasa berada di atas petunjuk kebenaran dan meraih kejayaan di sisi Allah SWT.

## Bukan Bermegah

Mimbar ingin mengingatkan bahawa kehadiran Syawal bukan bertujuan untuk kita bermegah dengan pencapaian keduniaan dan kebendaan.

## Jaminan Keselamatan

Apa yang paling penting ialah kita beroleh takwa yang menjadi jaminan keselamatan untuk kita sama ada di dunia mahu pun di akhirat.



# Memaknai Fitrah

**1**

## **Saksi Ramadan**

Ramadan akan menjadi saksi yang membela golongan yang bersungguh-sungguh berpuasa dan penuh keimanan mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT.

**2**

## **Kembali ke Fitrah**

Ketibaan Syawal adalah lambang kembalinya fitrah kehidupan manusia di atas kehendak Islam.

**3**

## **Amalan Diterima**

Allah menerima amalan hamba-Nya yang dilakukan penuh keimanan, ketaatan, keikhlasan, berkekalan dan menambahkan mereka dengan ilmu, amal dan hidayah daripada Allah SWT.

# Puasa Sunat Syawal

## Galakan Rasulullah

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal sebagaimana yang digalakkan oleh baginda Rasulullah S.A.W sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT dan mengikuti sunnahnya.

# Pahala Puasa Syawal

## Hadis Rasulullah

Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abi Ayyub al-Ansari RA bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari di bulan Syawal akan memperoleh pahala seperti puasa setahun."

شكرًا  
والحمد لله رب العالمين

**TERIMA KASIH**

**THANK YOU**